

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7229

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan statistik penduduk Malaysia yang memegang status taraf penduduk tetap (*Permanent Residence*) dan pecahan mengikut negara asal. Adakah Kementerian dalam negeri akan meningkatkan lagi syarat terhadap permohonan untuk mendapat taraf penduduk tetap daripada kriteria yang ada sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2009 hingga 2013 sejumlah 32,641 Permit Masuk telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Pada masa yang sama, sebelum seseorang warganegara asing boleh memperolehi status Pemastautin Tetap (*Permanent Resident - PR*), mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (*Entry Permit*) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Seksyen 10, Akta Imigresen 1959/63. Hanya apabila seseorang warga asing yang telah dikeluarkan dengan Permit Masuk, baru mereka layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap bagi membolehkan mereka dikeluarkan Kad Pengenalan Merah atau MyPR oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Kementerian akan menimbang setiap permohonan berdasarkan merit setiap kes seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang dan dasar semasa kerajaan.

Kementerian kini dalam tindakan untuk mengkaji keperluan yang mana lebih elok untuk ditambah baik bagi meningkatkan tahap permohonan Pemastautin Tetap (*Permanent Resident - PR*) atau instrumen lain seperti Permit Masuk Semula (*Re-entry permit*). Sekiranya terdapat sebarang penambahbaikan terhadap syarat sedia ada, pemakluman akan dibuat di laman web Jabatan Imigresen Malaysia.